

29 AUG, 2026

TNB labur RM43 bilion bina National Grid Backbone 500kV

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 1

TNB labur RM43 bilion bina National Grid Backbone 500kV

Oleh SABRINA ZULKIFLI
sabrina.zulkifli@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) memulakan pembangunan talian penghantaran National Grid Backbone 500kV yang baharu bagi memperkukuh keterjaminan tenaga negara dan mempercepat peralihan tenaga menjelang 2030.

Bagi tempoh 2025 hingga 2027, TNB melaburkan sebanyak RM43 bilion dalam pembangunan dan pemodenan grid bagi meningkatkan kebolehpercayaan, daya tahan serta kapasiti Grid Nasional secara keseluruhan.

Infrastruktur sepanjang 500 kilometer (km) itu bakal menjadi talian sistem penghantaran 500kV terpanjang pernah dibangunkan di Malaysia apabila siap kelak, merentasi Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad berkata, pembangunan laluan penghantaran itu menyediakan kapasiti dan fleksibiliti yang diperlukan bagi menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).



WAN Rosdy Wan Ismail (tengah) dan Shamsul Ahmad (dua dari kiri) bersama barisan tetamu kehormat ketika majlis simbolik perasmian tapak projek Pencawang Masuk Utama (PMU) 500kV Kampung Awah, Maran, Pahang.

“Grid yang berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan adalah asas penting bagi Malaysia untuk memenuhi pertumbuhan permintaan elektrik,

mengintegrasikan lebih banyak tenaga boleh baharu (TBB) serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan.

“National Grid Backbone 500kV ini akan memperkukuh tulang belakang sistem penghantaran Semenanjung Malaysia bagi memenuhi keperluan tenaga negara yang terus

berkembang,” katanya dalam kenyataan.

PMU Kampung Awah yang terletak di sepanjang koridor Paka-Kampung Awah-Bahau South-Kulai East akan bertindak sebagai nod penghantaran strategik untuk meningkatkan pemindahan tenaga antara wilayah.

Projek ini turut direka bagi

menyokong permintaan tenaga daripada industri berteraskan kecerdasan buatan (AI), pusat data, infrastruktur digital serta pelaburan hijau bernilai tinggi, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai hab tenaga serantau.

Permulaan projek berkenaan ditandai dengan majlis perasmian tapak Pencawang Masuk Utama (PMU) 500kV Kampung Awah di Maran, Pahang, yang disempurnakan oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Sri Diraja Wan Rosdy Wan Ismail.

Sementara itu, Wan Rosdy berkata, pembangunan PMU Kampung Awah meletakkan Pahang pada kedudukan strategik untuk menarik pelaburan hijau dan berteknologi tinggi menerusi sokongan kapasiti penghantaran yang lebih besar.

“Infrastruktur ini bukan sahaja mengukuhkan kesalinghubungan Pahang dengan Grid Nasional, malah mewujudkan peluang ekonomi kepada perniagaan dan komuniti tempatan di sepanjang rantaian bekalan,” katanya.